

UNDANG-UNDANG KECIL JAWATANKUASA PROGRAM NEGARA 2024

SUSUNAN PERKARA

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perkara

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Ketidakpakaian

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA PROGRAM NEGARA

4. Penubuhan Jawatankuasa Program Negara
5. Keanggotaan Jawatankuasa
6. Pesuruhjaya Program Negara
7. Setiausaha Program Negara
8. Pesuruhjaya Kebangsaan – Program
9. Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program
10. Perjalanan sementara fungsi Pesuruhjaya Program Negara
11. Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri
12. Setiausaha Program Negeri
13. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
14. Pengosongan jawatan
15. Mesyuarat
16. Minit
17. Kesahan perjalanan dan keputusan mesyuarat
18. Tatacara
19. Anggota Jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa
20. Sub-jawatankuasa/Jawatankuasa kecil
21. Setiausaha kepada Jawatankuasa
22. Pegawai Meja Jawatankuasa

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA JAWATANKUASA

23. Fungsi dan kuasa Jawatankuasa
24. Perwakilan fungsi dan kuasa Jawatankuasa kepada Jawatankuasa Pemandu

BAHAGIAN IV

PENGANUGERAHAN LENCANA DAN ANUGERAH PROGRAM

25. Penganugerahan lencana dan anugerah program

- 26. Tatacara pemakaian lencana dan simbolik anugerah
- 27. Daftar

BAHAGIAN V

PERIHAL TAULIAH, WATIKAH PELANTIKAN, DAN PAKAIAN SERAGAM

- 28. Tauliah dan watikah pelantikan
- 29. Pakaian seragam

BAHAGIAN VI

AM

- 30. Peraturan-peraturan
- 31. Laporan tahunan
- 32. Obligasi kerahsiaan
- 33. Memberikan maklumat palsu kepada Jawatankuasa
- 34. Pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini
- 35. Kuasa membuat tafsiran

**AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA
(PEMERBADANAN) 1968**

**DASAR, PERTUBUHAN, DAN PERATURAN
Persekutuan Pengakap Malaysia**

**UNDANG-UNDANG KECIL
Jawatankuasa Program Negara**

Suatu undang-undang kecil untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Program Negara; untuk menyatakan kuasa dan fungsi Jawatankuasa bagi pembangunan dan penyelarasan pelaksanaan program Pengakap di Malaysia; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Disemak-2016) dan Dasar, Pertubuhan dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia, maka Majlis Pengakap Negara membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa, dan pemakaian

1. (1) Undang-Undang Kecil ini boleh dinamakan sebagai **Undang-Undang Kecil Jawatankuasa Program Negara 2024**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa melalui pemberitahuan pekeliling Persekutuan Pengakap Malaysia.

(3) Undang-Undang Kecil ini terpakai bagi semua jawatankuasa/pasukan program di peringkat negeri dan daerah serta hendaklah termasuk semua Pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin Pengakap dan ahli Persekutuan Pengakap Malaysia sekiranya berkenaan.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“WOSM” ertinya *World Organization of the Scout Movement*;

“PPM” ertinya Persekutuan Pengakap Malaysia;

“POR” ertinya Dasar, Pertubuhan dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia;

“anggota Jawatankuasa” ertinya ahli kanan dan ahli Jawatankuasa Program Negara;

“Pesuruhjaya Kanan” ertinya Pesuruhjaya Program Negara, Setiausaha Program Negara dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kebangsaan bagi Jawatankuasa;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha kepada Jawatankuasa;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Program Negara/Bahagian Program PPM;

“program” ertinya program Pengakap seperti yang ditakrifkan dalam *World Scout Youth Programme Policy*;

“anugerah” ertinya pengiktirafan yang diberikan sebagai hasil pencapaian program Pengakap seperti lencana, Anugerah Pengakap Raja, Anugerah B-P dan yang seumpamanya;

“lencana” ertinya anugerah simbolik yang diberikan sebagai hasil pencapaian program Pengakap seperti lencana kepandaian, lencana kemajuan, lencana Pengakap Raja dan yang seumpamanya;

“rambu” ertinya anugerah simbolik yang diberikan sebagai hasil pencapaian program Pengakap seperti Anugerah Ketua Pengakap Negara dan yang seumpamanya;

“ahli Pengakap” ertinya Pengakap Lebah, Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap Muda, Pengakap Remaja atau Pengakap Kelana.

Ketidakkpakaian

3. (1) Peruntukan Undang-Undang Kecil ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana peraturan bertulis lain yang berhubungan dengan kuasa dan fungsi Pesuruhjaya Program Negara dan Jawatankuasa.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA PROGRAM NEGARA

Penubuhan Jawatankuasa Program Negara

4. (1) Ketua Pengakap Negara hendaklah melantik suatu kumpulan Pesuruhjaya peringkat kebangsaan atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara untuk membantu Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dalam pelaksanaan tugas dan kewajipannya berkaitan dengan program.

(2) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pesuruhjaya Program Negara seperti yang berikut iaitu—

- (a) Ketua Pengakap Negara hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Pesuruhjaya Program Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara untuk mempengerusikan Jawatankuasa;
- (b) atas cadangan Pesuruhjaya Program Negara selepas berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Ketua Pengakap Negara hendaklah melantik seorang Setiausaha Program Negara sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa;
- (c) atas cadangan Pesuruhjaya Program Negara selepas berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Ketua Pengakap Negara hendaklah melantik Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kebangsaan – Program dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program untuk menganggotai Jawatankuasa; dan
- (d) atas kuasa budi bicara Pesuruhjaya Program Negara melantik ahli-ahli di bawah perenggan 5(1)(m).

(3) Jawatankuasa adalah kekal turun temurun dan mempunyai logo jawatankuasa.

Keanggotaan Jawatankuasa

5. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut—

- (a) Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara sebagai Penasihat Utama;
- (b) Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara yang berkenaan sebagai Penasihat;
- (c) Pesuruhjaya Program Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (d) Pesuruhjaya Antarabangsa;
- (e) Pesuruhjaya Latihan Negara;
- (f) Setiausaha Program Negara;
- (g) Semua Pesuruhjaya Kebangsaan – Program;
- (h) Semua Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program;
- (i) Pengerusi Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan;

- (j) Semua Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri;
- (k) Semua Setiausaha Program Negeri;
- (l) *Asia-Pacific Regional Youth Representative* (Malaysia) (sekiranya ada); dan
- (m) Lima (5) orang yang hendaklah dilantik oleh Pesuruhjaya Program Negara.

Pesuruhjaya Program Negara

6. (1) Selaras dengan Bahagian II Seksyen I Peraturan 7A POR, maka hendaklah ada seorang Pesuruhjaya Program Negara daripada seorang warganegara Malaysia dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

(2) Tugas-tugas dan tanggungjawab am Pesuruhjaya Program Negara adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atas perencanaan dan pelaksanaan program bagi ahli-ahli Pengakap melalui jawatankuasa/pasukan program di peringkat negeri;
- (b) memperakukan kepada Ketua Pengakap Negara dengan persetujuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atas pelantikan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program;
- (c) menubuhkan Jawatankuasa mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil ini;
- (d) menjadi Pengerusi Jawatankuasa dan Ketua Portfolio Program;
- (e) meluluskan terma rujukan sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil yang ditubuhkan;
- (f) melantik mengikut Undang-Undang Kecil ini dan terma-terma rujukan sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil anggota Jawatankuasa dan anggota sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil;
- (g) menandatangani semua watikah dan surat cara pelantikan anggota yang dilantik mengikut Undang-Undang Kecil ini dan terma-terma rujukan sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil;
- (h) memperakukan semua pencalonan anugerah bintang, pingat dan Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara PPM bagi calon Jawatankuasa;
- (i) menandatangani sijil-sijil program yang berkenaan bagi semua program kecuali yang diturunkan kuasa kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya yang berkenaan melalui apa-apa peraturan bertulis atau kelulusan dokumen program;
- (j) memperakukan/meluluskan semua pencalonan anugerah program dan penganugerahan anugerah program kecuali yang diturunkan kuasa kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya yang berkenaan melalui apa-apa peraturan bertulis atau kelulusan dokumen program;
- (k) mengambil tindakan di atas sebarang perkara-perkara lain yang dikehendaki Undang-Undang Kecil ini;
- (l) menyelaras, menggalakkan dan memberi sokongan kepada semua jawatankuasa/pasukan program negeri dan daerah bagi pelaksanaan program;

- (m) memperakukan semua pencalonan penyertaan program peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (n) memperakukan semua pencalonan penyertaan acara atau aktiviti peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan ahli-ahli Pengakap;
- (o) memperakukan semua jenis pencalonan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan ahli-ahli Pengakap; dan
- (p) mengurus bersama-sama dengan Pesuruhjaya Antarabangsa bagi program-program antarabangsa.

(3) Pesuruhjaya Program Negara hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan POR.

Setiausaha Program Negara

7. (1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha Program Negara daripada seorang warganegara Malaysia yang dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Pesuruhjaya Program Negara selepas berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan hendaklah ditauliahkan sebagai Pesuruhjaya Kebangsaan.

(2) Tugas-tugas dan tanggungjawab am Setiausaha Program Negara adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan membantu Pesuruhjaya Program Negara dalam perencanaan dan penyelarasan pelaksanaan program;
- (b) menjadi Setiausaha Jawatankuasa dan Ketua Pentadbir Program;
- (c) menjalankan tugas dan fungsi Pesuruhjaya Program Negara atas persetujuan Pesuruhjaya Program Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau di bawah perenggan 10(1);
- (d) menjadi Ketua Urus Setia bagi Urus Setia Setiausaha Program Negara yang ditubuhkan;
- (e) menjalankan apa-apa tugas dan fungsi yang dikehendaki Undang-Undang Kecil ini; dan
- (f) memperakukan kepada Pesuruhjaya Program Negara pelantikan ahli-ahli Urus Setia Setiausaha Program Negara.

(3) Setiausaha Program Negara hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan POR.

Pesuruhjaya Kebangsaan – Program

8. (1) Maka hendaklah ada beberapa Pesuruhjaya Kebangsaan – Program yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa dalam kalangan warganegara Malaysia dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Pesuruhjaya Program Negara selepas berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

(2) Tugas-tugas dan tanggungjawab am Pesuruhjaya Kebangsaan – Program adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan membantu Pesuruhjaya Program Negara dalam perencanaan dan penyelarasan pelaksanaan program;
- (b) menjadi pengerusi bagi jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah portfolionya (sekiranya berkenaan);
- (c) menjadi ahli/Pesuruhjaya Kanan Jawatankuasa; dan
- (d) memperakukan kepada Pesuruhjaya Program Negara pelantikan ahli-ahli jawatankuasa yang dipengerusikan olehnya.

(3) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kebangsaan – Program yang dilantik hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan terma rujukan jawatankuasa yang diketuainya.

Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program

9. (1) Maka hendaklah ada beberapa Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa dalam kalangan warganegara Malaysia dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Pesuruhjaya Program Negara selepas berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

(2) Tugas-tugas dan tanggungjawab am Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Pesuruhjaya Program Negara melalui Pesuruhjaya Kebangsaan – Program yang berkenaan dalam perencanaan dan penyelarasan pelaksanaan program;
- (b) menjadi pengerusi bagi jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di bawah portfolionya (sekiranya berkenaan);
- (c) menjadi ahli Jawatankuasa; dan
- (d) memperakukan kepada Pesuruhjaya Program Negara pelantikan ahli-ahli jawatankuasa kecil yang dipengerusikan olehnya (sekiranya berkenaan).

(3) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program yang dilantik hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan terma rujukan jawatankuasa kecil yang diketuainya.

Perjalanan sementara fungsi Pesuruhjaya Program Negara

10. (1) Setiausaha Program Negara hendaklah bertindak sebagai Pesuruhjaya Program Negara selama tempoh apabila—

- (a) jawatan itu menjadi kosong;

- (b) Pesuruhjaya Program Negara tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pesuruhjaya Program Negara, kerana apa-apa sebab lain, tidak berupaya melaksanakan fungsinya.

(2) Setiausaha Program Negara hendaklah, selama tempoh dia melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Program Negara di bawah peraturan ini, disifatkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa.

Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri

11. (1) Maka hendaklah ada seorang Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri daripada seorang warganegara Malaysia dilantik dalam kalangan Pesuruhjaya di peringkat negeri oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.

(2) Tugas-tugas dan tanggungjawab Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri atas perencanaan dan pelaksanaan program bagi ahli-ahli Pengakap melalui jawatankuasa program/pasukan di peringkat negeri dan daerah;
- (b) menjadi Pengerusi Jawatankuasa Program Negeri / Ketua Pasukan Program Negeri;
- (c) membuat/memperakukan semua pencalonan penyertaan program peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri;
- (d) membuat/memperakukan semua pencalonan penyertaan acara atau aktiviti peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan ahli-ahli Pengakap kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri;
- (e) membuat/memperakukan semua jenis pencalonan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan ahli-ahli Pengakap kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri; dan
- (f) menjalankan apa-apa tugas dan fungsi yang dikehendaki Undang-Undang Kecil ini dan Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Negeri/Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri yang berkenaan; dan
- (g) mengurus bersama-sama dengan Penolong Ketua Pesuruhjaya Negeri (Hal Ehwal Antarabangsa) program-program antarabangsa.

(3) Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Negeri/Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri yang berkenaan.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

Setiausaha Program Negeri

12. (1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha Program Negeri daripada seorang warganegara Malaysia yang dilantik dalam kalangan Pesuruhjaya di peringkat negeri oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri atas cadangan Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri.

(2) Tugas-tugas dan tanggungjawab Setiausaha Program Negeri adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan membantu Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri dalam perencanaan dan penyelarasan pelaksanaan program di peringkat negeri dan daerah;
- (b) menjadi Setiausaha Jawatankuasa/Pasukan Program Negeri;
- (c) menjalankan tugas dan fungsi Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri atas persetujuan Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri; dan
- (d) menjalankan apa-apa tugas dan fungsi yang dikehendaki Undang-Undang Kecil ini dan Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Negeri/Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri yang berkenaan.

(3) Setiausaha Program Negeri hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Negeri/Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri yang berkenaan.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

13. (1) Pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(m) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pesuruhjaya Program Negara tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan ini.

(2) Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(m) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang dialamatkan kepada Pesuruhjaya Program Negara.

Pengosongan jawatan

14. (1) Jawatan seseorang anggota Jawatankuasa hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

- (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) pelantikannya di bawah perenggan 5(1)(m) dibatalkan oleh Pesuruhjaya Program Negara; atau
- (f) peletakan jawatannya di bawah perenggan 13(2).

(2) Jika jawatan seseorang anggota Jawatankuasa menjadi kosong menurut subperenggan-subperenggan (1)(e) dan (1)(f), Pesuruhjaya Program Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya sesuai untuk mengisi kekosongan yang wujud itu bagi baki tempoh yang dikosongkan oleh anggota Jawatankuasa itu atau bagi tempoh interim sehingga orang yang baharu dilantik ke jawatan yang dipegang oleh anggota Jawatankuasa itu sebelum dia mengosongkan jawatan itu.

Mesyuarat

15. (1) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap empat (4) bulan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Notis sekurang-kurangnya empat belas hari secara bertulis atau melalui mel elektronik hendaklah diberikan kepada anggota-anggota Jawatankuasa.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa dan jika bagi apa-apa sebab Pengerusi tidak hadir, Pesuruhjaya Kanan yang paling kanan selepasnya hendaklah menjadi pengerusi.

(4) Kuorum Jawatankuasa ialah satu pertiga daripada jumlah anggota Jawatankuasa yang patut hadir termasuk Pengerusi.

(5) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa yang hadir berhak mendapat satu undi melalui undi sulit dan jika terdapat persamaan bilangan undi yang dibuang, Pengerusi atau anggota Jawatankuasa yang mempengerusikan mesyuarat itu sebagai pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

Minit

16. (1) Pengerusi hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota Jawatankuasa pada mesyuarat itu layak sewajarnya untuk bertindak.

Kesahan perjalanan dan keputusan mesyuarat

17. Tiada perjalanan atau keputusan mesyuarat yang ditelah dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) terdapat kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa; atau
- (b) terdapat pelanggaran, kecacatan atau ketidakaturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Tatacara

18. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil ini, Jawatankuasa hendaklah menentukan tatacaranya sendiri dengan persetujuan Pesuruhjaya Program Negara.

Anggota Jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa

19. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

Sub-jawatankuasa/Jawatankuasa kecil

20. (1) Pesuruhjaya Program Negara boleh menubuhkan apa-apa sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membantu Jawatankuasa dalam pelaksanaan fungsinya.

(2) Pesuruhjaya Program Negara hendaklah meluluskan terma rujukan sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil yang ditubuhkan.

(3) Pesuruhjaya Program Negara boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi atau anggota sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil tertakluk kepada terma rujukan sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil yang telah diluluskan.

(4) Pesuruhjaya Program Negara boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau membuat apa-apa perubahan dalam komposisi anggota sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil tertakluk kepada terma rujukan sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil yang telah diluluskan.

(5) Pengerusi sesuatu sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil hendaklah menyebabkan minit mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan salinan minit kesemua mesyuaratnya hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Program Negara seberapa segera yang mungkin.

(6) Sesuatu sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota sub-jawatankuasa/jawatankuasa kecil itu untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

Setiausaha kepada Jawatankuasa

21. (1) Setiausaha Program Negara hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa.

(2) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) perjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi dan aktiviti Jawatankuasa;
- (b) pelaksanaan keputusan Pesuruhjaya Program Negara; dan
- (c) pelaksanaan keputusan Jawatankuasa.

Pegawai Meja Jawatankuasa

22. (1) Hendaklah dilantik sebagaimana yang perlu dalam kalangan pekerja PPM bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan dia untuk membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA JAWATANKUASA

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa

23. (1) Fungsi Jawatankuasa adalah—

- (a) untuk bertanggungjawab secara bersama kepada Pesuruhjaya Program Negara;
- (b) untuk membantu pelaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawab Pesuruhjaya Program Negara;
- (c) untuk menyokong usaha Pesuruhjaya Program Negara dalam pelaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawabnya;
- (d) untuk membentuk dan merangka dasar serta prinsip program;
- (e) untuk membangunkan program;
- (f) untuk menentukan penawaran program-program yang bukan dibangunkan oleh Jawatankuasa;
- (g) untuk menyelaraskan pelaksanaan program di seluruh negara;
- (h) untuk mengiktiraf semua jenis anugerah program yang ditawarkan kepada ahli Pengakap;
- (i) untuk menyimpan dan menyenggara Daftar di bawah perenggan 27(1);
- (j) untuk menjalankan pengujian atau menyebabkan supaya pengujian dijalankan oleh PPM negeri/daerah bagi maksud penganugerahan lencana dan anugerah-anugerah program;
- (k) untuk menjadi satu badan semak dan imbang bagi maksud pelaksanaan dasar-dasar dan program-program serta hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan kaedah-kaedah pelaksanaan dasar-dasar dan program-program termasuk melantik seorang penasihat untuk memastikan perjalanan dasar-dasar dan program-program dan/atau mencadangkan penukaran Pesuruhjaya berkenaan sekiranya pelaksanaan dasar-dasar dan program-program tidak mencapai tahap yang memuaskan;
- (l) untuk mengkaji dari masa ke masa keperluan program supaya program yang ditawarkan sejajar dengan dasar-dasar yang berkaitan;
- (m) menjadi pusat rujukan hal-hal berkenaan dengan program;
- (n) menyokong usaha PPM di peringkat negeri dalam pelaksanaan program; dan
- (o) Jawatankuasa hendaklah dianggap sebagai telah mewakilkan kepada Jawatankuasa Pemandu segala tugas-tugas Jawatankuasa kecuali disebut dalam Undang-Undang Kecil ini.

(2) Jawatankuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pewakilan fungsi dan kuasa Jawatankuasa kepada Jawatankuasa Pemandu

24. (1) Jawatankuasa Pemandu hendaklah terdiri daripada anggota Jawatankuasa yang berikut—

- (a) Pesuruhjaya Program Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Setiausaha Program Negara;
- (c) Semua Pesuruhjaya Kebangsaan – Program; dan
- (d) Pengerusi Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan.

(2) Jawatankuasa Pemandu hendaklah dianggap sebagai telah diberikan kepadanya segala tugas-tugas Jawatankuasa kecuali disebut dalam Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah memberikan laporan pada tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa Pemandu hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Jawatankuasa dan semua kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Jawatankuasa.

(4) Fungsi yang diwakilkan di bawah perenggan ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Jawatankuasa.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

BAHAGIAN IV

PENGANUGERAHAN LENCANA DAN ANUGERAH PROGRAM

Penganugerahan lencana dan anugerah program

25. (1) Tanpa menjejaskan tugas Pesuruhjaya Pengakap Daerah berkenaan dengan penyeliaan program dan penentuan kelayakan pemakaian sebarang lencana kepandaian dan lencana kemajuan; serta kuasa penarikan balik lencana, Pesuruhjaya Program Negara hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tambahan supaya pelaksanaan tugas Pesuruhjaya Pengakap Daerah itu menepati apa-apa peraturan bertulis dan amalan baik.

(2) Semua pencalonan anugerah dan penganugerahan anugerah hendaklah mendapat perakuan/kelulusan Pesuruhjaya Program Negara kecuali yang diturunkan kuasa kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya yang berkenaan melalui apa-apa peraturan bertulis atau kelulusan dokumen program.

Tatacara pemakaian lencana dan simbolik anugerah

26. (1) Pemakaian apa-apa lencana dan simbolik anugerah seperti epolet dan rambu pada pakaian seragam adalah tertakluk kepada tatacara pemakaian pakaian seragam PPM.

(2) Pemakaian atau pemakaian sementara (*provisional*) apa-apa lencana dan simbolik anugerah adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Pakaian Seragam PPM dan kelulusan Majlis Eksekutif Pengakap Negara/Majlis Pengakap Negara.

Daftar

27. (1) Pesuruhjaya Program Negara hendaklah menyebabkan suatu daftar anugerah disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya oleh Ibu Pejabat PPM.

(2) Maka hendaklah ditunjukkan bersetentang dengan nama setiap penerima anugerah di dalam Daftar anugerah yang dia telah dianugerahi dan butir-butir tentang apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pesuruhjaya Program Negara.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

BAHAGIAN V

PERIHAL TAULIAH, WATIKAH PELANTIKAN, DAN PAKAIAN SERAGAM

Tauliah dan watikah pelantikan

28. (1) Tertakluk kepada tatacara permohonan tauliah dan pelantikan Pesuruhjaya yang sedang berkuat kuasa dan apa-apa peruntukan POR yang berkenaan, jawatan-jawatan berikut bagi maksud program adalah jawatan bertauliah:

- (a) Pesuruhjaya Program Negara;
- (b) Setiausaha Program Negara;
- (c) Pesuruhjaya Kebangsaan – Program;
- (d) Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program;
- (e) Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri; dan
- (f) Setiausaha Program Negeri.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan terma rujukan sub-jawatankuasa serta jawatankuasa kecil yang berkenaan, yang berikut adalah dilantik melalui watikah pelantikan atau apa-apa surat cara pelantikan yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Program Negara:

- (a) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(m); dan
- (b) Anggota sub-jawatankuasa dan jawatankuasa kecil.

Pakaian seragam

29. (1) Mana-mana anggota Jawatankuasa yang memegang tauliah Pesuruhjaya bagi jawatan yang disenaraikan di bawah perenggan 28(1) adalah dibenarkan memegang sesuatu jawatan yang lain tertakluk kepada mana-mana peruntukan POR yang berkenaan atau melalui apa-apa peraturan bertulis, tetapi hendaklah memakai pakaian seragam PPM mengikut kesesuaian tauliah bagi maksud program yang telah diberikan dan mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil ini:

- (a) Semasa setiap mesyuarat, program atau acara anjuran Jawatankuasa; atau
- (b) semasa mewakili Jawatankuasa secara rasmi ke apa-apa mesyuarat, program atau acara Pengakap yang lain.

(2) Seseorang Pesuruhjaya bagi maksud program boleh memakai pakaian seragam semua unit tertakluk kepada kesesuaian program dan acara sama ada bagi maksud unit yang mana keahlian didaftarkan, tujuan keseragaman sewaktu program dan acara; atau promosi program Pengakap.

(3) Keterangan pemakaian tanda pangkat berupa lencana lengan dan epolet bahu Pesuruhjaya bagi maksud program adalah seperti berikut:

- (a) Pesuruhjaya Program Negara hendaklah memakai lencana lengan “PESURUHJAYA PROGRAM NEGARA” atau/dan “NATIONAL PROGRAMME COMMISSIONER”

dengan epolet bahu berwarna biru empat (4) lengkar; atau mengikut pekeling semasa PPM yang sedang berkuat kuasa;

- (b) Setiausaha Program Negara hendaklah memakai lencana lengan “SETIAUSAHA PROGRAM NEGARA” atau/dan “NATIONAL PROGRAMME SECRETARY” dengan epolet bahu berwarna biru empat (4) lengkar; atau mengikut pekeling semasa PPM yang sedang berkuat kuasa;
 - (c) Pesuruhjaya Kebangsaan – Program hendaklah memakai lencana lengan “PESURUHJAYA KEBANGSAAN” atau/dan “NATIONAL COMMISSIONER” dengan epolet bahu berwarna biru empat (4) lengkar; atau mengikut pekeling semasa PPM yang sedang berkuat kuasa;
 - (d) Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan – Program hendaklah memakai lencana lengan “PESURUHJAYA IBU PEJABAT KEBANGSAAN” atau/dan “NATIONAL HEADQUARTERS COMMISSIONER” dengan epolet bahu berwarna biru tiga (3) lengkar; atau mengikut pekeling semasa PPM yang sedang berkuat kuasa;
 - (e) Pengerusi/Pesuruhjaya Program Negeri hendaklah memakai lencana lengan “PENGURUSI PROGRAM NEGERI” atau/dan “STATE PROGRAMME CHAIRPERSON”; atau “PESURUHJAYA PROGRAM NEGERI” atau/dan “STATE PROGRAMME COMMISSIONER” tertakluk kepada mana-mana yang berkenaan dengan epolet bahu berwarna biru tiga (3) lengkar; atau mengikut pekeling semasa PPM yang sedang berkuat kuasa; dan
 - (d) Setiausaha Program Negeri hendaklah memakai lencana lengan “SETIAUSAHA PROGRAM NEGERI” atau/dan “STATE PROGRAMME SECRETARY” dengan epolet bahu berwarna biru tiga (3) lengkar; atau mengikut pekeling semasa PPM yang sedang berkuat kuasa.
- (4) Pemakaian tanda pangkat bagi lencana lengan versi Bahasa Inggeris adalah dibenarkan dengan amalan sedia ada oleh pihak WOSM berkenaan dengan pemakaian lencana lengan versi Bahasa Inggeris di lengan kanan dan versi Bahasa Perancis di lengan kiri; dan untuk konteks PPM iaitu Pesuruhjaya bagi maksud program boleh memakai lencana lengan versi Bahasa Malaysia di lengan kanan dan versi Bahasa Inggeris di lengan kiri.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

BAHAGIAN VI

AM

Peraturan-peraturan

30. (1) Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, boleh atas syor Pesuruhjaya Program Negara, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri dan Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah boleh masing-masing membuat peraturan-peraturan atau terma rujukan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa/pasukan program di peringkat negeri dan daerah masing-masing; untuk menyatakan kuasa dan fungsi jawatankuasa/pasukan berkenaan bagi pembangunan dan penyelarasan pelaksanaan program Pengakap di negeri dan daerah berkenaan; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

(3) Jika mana-mana peraturan atau terma rujukan bagi maksud program yang dibuat oleh Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri dan/atau Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah tidak selaras dengan Undang-Undang Kecil ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subperenggan (1), maka Undang-Undang Kecil ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subperenggan (1) hendaklah mengatasi peraturan atau terma rujukan negeri/daerah itu dan peraturan atau terma rujukan negeri/daerah itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.

Laporan tahunan

31. (1) Jawatankuasa mestilah menyediakan laporan tahunan tiap-tiap tahun.

(2) Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan tahunannya kepada Majlis Pengakap Negara mengenai segala aktivitinya dalam tahun yang dengannya laporan itu berhubungan.

(3) Semua laporan tahunan berkaitan dengan program hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa oleh semua PPM negeri.

Obligasi kerahsiaan

32. (1) Tiada anggota Jawatankuasa, pegawai, pembantu, atau pemerhati Jawatankuasa, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen yang diperolehnya semasa menjalankan tugasnya tanpa kebenaran Pesuruhjaya Program Negara atau wakilnya.

(2) Tiada orang lain yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen berhubungan dengan hal ehwal Jawatankuasa boleh mendedahkan maklumat atau dokumen itu tanpa kebenaran Pesuruhjaya Program Negara atau wakilnya.

(3) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota Jawatankuasa, dia hendaklah memulangkan segala kertas dan dokumen yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh sebab keanggotaannya dalam Jawatankuasa kepada Setiausaha.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)

Memberikan maklumat palsu kepada Jawatankuasa

33. Mana-mana orang yang dengan sengaja memberi Jawatankuasa apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan bagi perjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi dan aktiviti Jawatankuasa, sekiranya berkenaan, akan dilaporkan kepada Lembaga Disiplin dan Tatatertib PPM untuk tindakan selanjutnya.

Pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini

34. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Undang-Undang Kecil ini, peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh dipinda melalui usul-usul yang diluluskan dalam Jawatankuasa.

(2) Sesuatu usul bagi membuat apa-apa pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini tidaklah boleh diluluskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa melainkan usul itu telah disokong dan dipersetujui dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga ($\frac{2}{3}$) daripada jumlah anggota Jawatankuasa yang layak hadir dan mengundi dalam mesyuarat Jawatankuasa dan hendaklah dipersetujui oleh Pesuruhjaya Program Negara.

(3) Apa-apa pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Eksekutif Pengakap Negara/Majlis Pengakap Negara untuk kelulusan.

(4) Pindaan ini tidak boleh dikuatkuasakan selagi tidak mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis Eksekutif Pengakap Negara/Majlis Pengakap Negara.

Kuasa membuat tafsiran

35. (1) Jika berbangkit sebarang perselisihan atau salah faham berkenaan dengan tafsiran sebarang perkataan, rangkaian, ayat dan/atau konteks yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil ini, maka perselisihan atau salah faham tersebut hendaklah dirujuk kepada Pesuruhjaya Program Negara atau Setiausaha Program Negara untuk membuat tafsiran dan tafsiran yang diberikan adalah muktamad.

(2) Selaras dengan subperenggan (1), teks dalam bahasa kebangsaan adalah sah selain kalau Pesuruhjaya Program Negara menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana perkara atau jenis perkara yang tertentu.

(3) Jika terdapat sebarang kekurangan (*silence*) di dalam Undang-Undang Kecil ini, maka Pesuruhjaya Program Negara berkuasa mengatasi kekurangan tersebut dengan cara membuat penambahan yang munasabah tertakluk bahawa penambahan tersebut (peraturan tambahan) hendaklah selari dan tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah sedia ada di dalam Undang-Undang Kecil ini.

(Ruang ini sengaja dibiarkan kosong)